



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

‘UDARA BERSIH, RAKYAT SIHAT’ KESIHATAN PARU-PARU DIPERKASA MELALUI PENJAGAAN ALAM SEKITAR YANG LESTARI

Port Dickson, 18 Oktober 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia di Port Dickson, Negeri Sembilan. Program sehari ini berjaya menghimpunkan hampir **500 peserta** terdiri daripada petugas kesihatan, rakan strategik dan komuniti.

Tema sambutan tahun ini - “Udara Bersih, Rakyat Sihat” sangat bertepatan dengan inisiatif kesihatan paru-paru yang dilaksanakan oleh KKM. Udara yang bersih dari asap rokok, pembakaran terbuka, asap kenderaan, dan juga industri sangat berkait rapat dengan kesihatan paru-paru secara khususnya dan kesihatan rakyat secara umumnya.

Berdasarkan kepada laporan bertajuk *Sustainable Development Goal indicator 3.9.1: mortality attributed to air pollution* yang dikeluarkan pada tahun 2024, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan pada tahun 2019, sebanyak 6.7 juta kematian pramatang diseluruh dunia terkait dengan pencemaran udara. Daripada jumlah tersebut, pencemaran udara ambien dianggarkan telah menyebabkan 4.2 juta kematian pramatang. 89% daripada 4.2 juta kematian pramatang berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana serta beban tertinggi direkodkan di Rantau Asia Tenggara dan Rantau Pasifik Barat. WHO menganggarkan di **Malaysia** pada tahun yang sama terdapat **sebanyak 16,792 kematian dikaitkan dengan pencemaran udara**.

Fakta ini jelas menunjukkan usaha menyeluruh dan bersepadu perlu dilakukan oleh semua pihak. KKM komited **memperkasa beberapa inisiatif** selaras dengan komitmen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuklah:

1. **Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Lestari Alam Sekitar (*Environmentally Sustainable Healthcare*)**, selaras dengan peranan Malaysia di peringkat global melalui ***Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH)***; Sehingga 2025, sebanyak

147 hospital dan institusi KKM di bawah Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Hospital berjaya memperolehi pensijilan hijau. Manakala, program fasiliti kesihatan rendah karbon telah dimulakan di 30 buah klinik kesihatan dan akan diperluaskan lagi pada tahun 2026;

- 2. Pengukuhan Pendekatan Penempatan Sejahtera (*Healthy Settings Approach*)** melibatkan pelbagai lapisan komuniti bagi memupuk persekitaran hidup yang sihat dan lestari;
- 3. Memperkukuh peranan KKM dalam penilaian Impak Kesihatan** bagi Cadangan Projek Pembangunan yang **tertakluk kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*)**;
- 4. Pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan terhadap Perubahan Iklim (*National Adaptation Plan*) - kesihatan awam adalah salah satu komponen utama;**
- 5. Memperkukuhkan advokasi dan pengurusan risiko kesihatan akibat kemerosotan kualiti udara; dan**
- 6. KKM juga akan meningkatkan kerjasama strategik** dengan agensi-agensi selaras dengan aspirasi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi memastikan pendekatan yang lebih bersepadu dan berkesan.

KKM menyeru kerjasama semua pihak untuk sentiasa berganding bahu dalam semua usaha dan perancangan strategik bagi memastikan kualiti udara dan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat dapat diwujudkan demi kelestarian masyarakat umum. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

